

# Dr. M perjelas tradisi peralihan kuasa UMNO

PULAU PINANG 3 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tradisi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan adalah bertujuan untuk memastikan tidak berlaku perpecahan dalam UMNO.

Bekas Presiden UMNO itu berkata, tradisi tersebut terbukti berjaya mengukuhkan perpaduan di kalangan ahli parti apabila proses peralihan kepimpinan UMNO yang menyaksikan Timbalan Presiden mengambil alih tempat Presiden, berjalan dengan lancar.

"Mengikut tradisi UMNO, kita putus peralihan kepimpinan di peringkat Timbalan, iaitu kita kalau belum ada Timbalan, maka kita akan pilih Timbalan, setelah pilih tidak ada siapa yang harus mencabar supaya Timbalan secara licin mengambil alih tempat Presiden.

"Pada waktu ini, kita ada Timbalan tetapi Timbalan sudah menjadi Pemangku Presiden, jadi ada kekosongan bagi Timbalan dan boleh ada pemilihan.

"Namun demikian, untuk menjaga parti supaya tidak berpecah adalah lebih baik kalau kata sepakat diadakan untuk memilih seorang tertentu sebagai Timbalan tanpa pertandingan manakala yang lain boleh bertanding... Najb Presiden boleh bertanding," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Polisi Antartika: Peranan Negara-Negara Membangun, pada Seminar Antarabangsa Kedua Mengenai Antartika anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari